

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: 20 Julai 2016 17:01
To: UUM - All Staff
Subject: BENGKEL PENJANAAN PROPOSAL PROJEK INISIATIF UCTC MEMBUKA PELUANG AHLI AKADEMIK MENJALANKAN PROJEK LIBATSAMA KOMUNITI



Pusat Penyelidikan
Koridor Utara

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE

Universiti Utara Malaysia

RABU, 20 JULAI 2016 | 15 SYAWAL 1437H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



NCRC ONLINE- Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) yang mana unit UCTC telah diletakkan dibawah *Northern Corridor Research Centre* (NCRC) bagi menyelia program aktiviti yang melibatkan universiti komuniti.

Setiap unit UCTC di Institut Pengajian Tinggi (IPT) bertindak sebagai tempat penghubungkait para pelajar dan ahli akademik dengan komuniti sekitar. Dengan cara ini, ahli akademik boleh menggunakan kepakarannya untuk menyelesaikan isu-isu masyarakat setempat, menawarkan peluang menjalankan kajian libatsama komuniti kepada ahli akademik serta menawarkan aktiviti kokurikulum dan pengalaman kerja kepada para pelajar universiti.

Hari ini, NCRC telah menganjurkan satu bengkel Penjanaaan Proposal Projek Inisiatif Kerjasama Universiti Program Transformasi Luar Bandar bertempat di Bilik Mesyuarat NCRC. Seramai 15 orang peserta telah menyertai bengkel yang terdiri daripada pensyarah UUM dan pegawai dari *Kedah Development and Authority* (KEDA).

Dalam ucapan aluan pengarah NCRC, Prof. Madya Dr. Rohana Yusuf, beliau telah menerangkan peranan unit UCTC di peringkat NCRC adalah sebagai pusat untuk mengumpul dan melaporkan program yang sesuai di bawah UCTC kepada kementerian, bertindak sebagai '*focul point*' UCTC di UUM serta menyelaras merangka, memantau dan menilai aktiviti/ program UCTC.

Peserta telah diperkenalkan dengan lebih luas tentang NBOS dan peranan unit UCTC selain berkongsi tip teknik penulisan dan cadangan kertas kerja projek komuniti berimpak tinggi bersama Prof. Madya Dr. Norehan Abdullah, Timbalan Pengarah NCRC.

Selain itu, tujuan bengkel ini juga adalah menjana beberapa kertas kerja projek bagi memperoleh Geran Transformasi Luar Bandar oleh Bahagian Hubungan Industri, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Geran Transformasi Luar Bandar oleh Bahagian Hubungan Industri, KPT adalah bertujuan untuk menggalakkan pakar-pakar daripada institusi pengajian tinggi dengan kerjasama agensi luar iaitu kerajaan atau swasta bersama untuk menyumbang bagi mentransformasikan masyarakat sekitar (terutama kawasan mini RTC).

Sesi percambahan idea semasa bengkel telah berjaya menghasilkan sebanyak sepuluh idea projek komuniti berimpak tinggi yang berasaskan kepada kriteria yang telah ditetapkan iaitu projek yang berimpak tinggi, penggunaan kos rendah, pelaksanaan pantas dan projek yang mapan.

Ahli akademik dipelawa untuk merebut peluang menghasilkan beberapa kertas kerja projek libatsama komuniti menggunakan Geran Transformasi Luar Bandar oleh Bahagian Hubungan Industri. Tarikh tutup permohonan geran ini adalah pada 24 Julai 2016.

TAMAT.

=====

DARIPADA:

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 6559

FAKS: 04-928 6561

E-MEL: ncrc@uum.edu.my

WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited.

If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.